

MBA UMP diiktiraf terima akreditasi dan Anugerah Amalan Baik ABEST21



Tokyo, 8 Mac – Kecemerlangan program akademik yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi menerima pengiktirafan antarabangsa apabila program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang ditawarkan di Fakulti Pengurusan Industri menerima sijil akreditasi oleh The Alliance On Business Education and Scholarship For Tomorrow, A 21st Century Organization (ABEST21) iaitu sebuah agensi penarafan global bagi bidang pengurusan dan harta intelek di peringkat pendidikan tinggi yang berpangkalan di sini.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menerima sijil akreditasi yang disampaikan sendiri oleh Presiden ABEST21, Profesor Dr. Fumio Itoh dalam satu acara khas bersempena Perhimpunan Agung Tahunan agensi tersebut di kampus Sony University, Shinagawa di sini baru-baru ini. Dalam acara yang sama, Fakulti Pengurusan Industri (FIM) UMP turut diumumkan sebagai pemenang Anugerah Amalan Baik Bagi Pendidikan Bersepadu Pengurusan dan Teknologi oleh ABEST21.

Menurut Profesor Dr. Fumio Itoh berkata, pihaknya berpuas hati dengan kualiti kurikulum dan pendekatan inovatif yang digunakan pihak FIM untuk program akademik tersebut selain memenuhi syarat dan kriteria khusus yang telah ditetapkan oleh badan berkenaan dalam kerangka pengiktirafannya kepada institusi pendidikan tinggi yang berkaitan.



Bagi Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, pencapaian ini merupakan satu kejayaan besar dalam konteks Lonjakan Keunggulan Akademik dan Lonjakan Keunggulan Jenama sebagaimana yang digariskan oleh Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Sementara itu, Dekan FIM, Dr. Mohd Ridzuan Darun melahirkan keyakinan beliau bahawa pengiktirafan ini bakal meningkatkan kepercayaan massa terhadap kualiti program MBA UMP, sekaligus membolehkan capaian pengembangannya diperluas ke rantau Asia Tenggara melalui inisiatif Global Classroom atau Kuliah Pembelajaran Global yang telah pun dimulakan bersama Universitas Brawijaya di Indonesia.

Untuk rekod, FIM mula menawarkan program MBA yang memfokus kepada terhadap golongan profesional dan teknokrat yang merentasi pelbagai disiplin dengan mod pengajian secara kerja kursus sejak tahun 2012 dan menerima taraf keanggotaan penuh dalam ABEST21 pada 2 Mac 2016. Kumpulan sulung 11 graduan program ini telah berjaya diijazahkan dalam Majlis Konvokesyen Ke-9 UMP pada 11 Oktober 2014.

Turut sama menyertai delegasi UMP ke majlis tersebut adalah Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri, Prof. Madya Dr. Mohd Hasbi Ab. Rahim dan Ketua Penyelidik, Pejabat Naib Canselor, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

Disediakan oleh Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dari Pejabat Naib Canselor

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 14-03-2017, 16:39:58